KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD			
TARIKH	:	5/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PERHILITAN			

LAPORAN MUKA DEPAN



Perhilitan merampas pelbagai spesies burung yang dilindungi.

hidupan liar yang diburu.

"Seekor harimau dewasa jantan dikatakan boleh mencecah sehingga RM200,000 di pasaran gelap meliputi seluruh anggota badan termasuk tulang, kulit, daging, kuku dan misai," katanya.

Ujarnya, penawaran dan permintaan yang tinggi ke atas hidupan liar ini menjurus kepada pemburuan secara haram, seterusnya memberi kesan secara langsung terhadap kelangsungan hidup sesuatu spesies.

"Permintaan yang tinggi dalam pasaran gelap terutama untuk kepercayaan perubatan tradisional sebagai tangkal juga menjadi faktor utama pemburu haram memburu hidupan liar," katanya.

Tahan 384 orang

Tambah Abdul Kadir, sejak tahun 2017 sehingga Jun tahun ini, seramai 384 orang warga tempatan telah ditangkap dengan pelbagai kesalahan melibatkan jenayah hidupan liar.

"Bagi tempoh berkenaan itu juga, nilai rampasan hidupan liar yang direkodkan mencecah RM10.1 juta.

"Selain itu, menerusi 34 siri operasi Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang dijalankan bermula tahun 2019 hingga Julai lalu, nilai sitaan melibatkan jenayah alam sekitar (hidupan liar, perhutanan, pencerobohan kawasan) berjumlah RM5.8 juta," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan suspek warga tempatan yang melakukan kegiatan itu adalah secara bersendirian dan berkumpulan.

Jelasnya, suspek warga tempatan yang menjadikan kegiatan itu sebagai sumber pendapatan utama dan situasi tersebut biasanya akan menjurus kepada penglibatan sindiket.

"Apabila terdapat unsur sindiket, ia menunjukkan jenayah ini menjadi semakin terancang dan melibatkan banyak pihak. Sebagai contoh, jika kita ada melihat iklan jualan hidupan liar di media sosial ia sebenarnya melibatkan banyak pihak dan memerlukan koordinasi di antara ahli sindiket untuk memastikan hidupan liar ditangkap, dijual dan dihantar kepada pembeli.

"Pada masa yang sama suspek-suspek perlu mengelak aktiviti ini daripada dikesan dan ditangkap oleh pihak berkuasa," katanya.

Tambahnya, hidupan liar itu diburu menggunakan senjata api, jerat dawai, jaring, jebak dan pikat.

"Perhilitan ketika ini telah kenal pasti ada lima dalang utama terlibat jenayah pemburuan haram ini. Mereka ini licik, hanya mengaturkan gerak kerja sahaja selain berselindung di sebalik pekerjaan yang sah.

"Mereka ini berada di Johor, Kelantan dan Kedah serta mempunyai rangkaian sindiket di Thailand dan beberapa negara lain," katanya.



Seorang lelaki tempatan ditahan dengan rampasan hidupan liar.

'Otai' pemburu gajah diberkas

SHAH ALAM - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) pernah melumpuhkan satu sindiket pemburuan gajah kerana dipercayai membunuh lebih 20 ekor gajah.

Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, seorang pemburu haram warga tempatan yang terlibat dalam memburu gajah itu telah ditahan pihaknya di kawasan pendalaman di Pahang pada tahun 2019 dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kalau pemburu gajah, suspek ini memang terkenal. Berusia lingkungan 50-an dan bekerja sebagai pekerja ladang. Di tangan dia ini sahaja lebih 20 ekor gajah mati.

"Lelaki berasal dari Pahang ini memang '*wanted*'. Kita jejak dia sudah lama, kira-kira empat tahun dan akhirnya dia ditahan di Kuala Tahan, Pahang dengan kerjasama PDRM.

"Dia ni 'otai'. Lebih 10 tahun aktif. Soal siasat yang kita buat, dia kata 20 ekor gajah telah dibunuh. Tapi kita percaya jumlah itu lebih. Malah pelbagai senjata api dan lain-lain peralatan memburu telah dirampas," ujarnya.

Dedah Abdul Kadir, binatang liar seperti gajah ini ada pembeli di Thailand, Vietnam dan beberapa negara lain.

"Biasanya pemburu akan mengambil gading gajah jantan. Ini sindiket dan sudah tentu ada geng di beberapa negara," katanya.

Mereka adalah pengkhianat

SHAH ALAM - "Tindakan rakyat Malaysia yang terlibat dengan kegiatan jenayah pemburuan haiwan liar secara haram perlu dilabelkan sebagai pengkhianat kepada kedaulatan negara."

Demikian tegas Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim yang kecewa apabila orang kampung dan tempatan sanggup bersekongkol dengan sindiket demi habuan RM100 atau RM200.

"Mereka bukan sahaja merompak dan menyamun khazanah negara, tapi membuka peluang yang luas kepada orang di luar sana untuk masuk dan mengaut keuntungan dengan memburu serta membunuh fauna di hutan negara kita.

"Kesan perbuatan mereka ini boleh mengganggu keseimbangan ekosistem hutan sehingga menyebabkan kepupusan flora dan fauna," jelasnya.

Kata Abdul Kadir lagi, warga tempatan yang terlibat dalam kegiatan ini juga boleh dianggap sebagai masalah integriti.

Kerjasama pelbagai agensi penguat kuasa

SHAH ALAM - Menurut Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim, strategi Jabatan Perhilitan dalam menangani kes-kes pemburuan haram dan pemasangan jerat adalah melalui kerjasama secara bersepadu dengan semua agensi penguatkuasaan lain.

"Pelaksanaan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) dengan penglibatan PDRM dan agensi penguat kuasa lain seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Perbadanan Taman Negeri Perak dan Johor serta badan bukan kerajaan (NGO) seperti Pertubuhan Pelindung Alam Malaysia (Pelindung) dan RIMBA dapat meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan Akta Perlindungan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) bagi mengekang pemburuan haram.

"OBK merupakan salah satu program dalam kempen Selamatkan Harimau Malaya yang telah dilancarkan pada 3 September 2019.

"OBK pada tahun 2020 juga telah diperluaskan dengan kerjasama dan penglibatan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) di dalam perkongsian makluman perisikan dan penyeludupan antarabangsa selain autoriti pihak Kastam sendiri di dalam penguatkuasaan serta kawalan di pintu masuk Malaysia," katanya.

Tegas beliau, pihaknya sangat serius dan komited dalam usaha memulihara khazanah biodiversiti negara dan membasmi jenayah hidupan liar ini.

"Kepada individu-individu yang ingin melakukan kesalahan ini, sebaik-baiknya mereka berfikir panjang kerana denda dan penjara yang akan menanti adalah amat berat di bawah pindaan baharu Akta 716.

"Denda selepas pindaan Akta 716 adalah sehingga RM1 juta dan penjara sehingga 15 tahun," ujarnya.

"Sebarang aduan dan maklumat boleh disalurkan kepada Jabatan Perhilitan melalui talian hotline **1-800-88-5151** atau e-aduan di laman web *www.wildlife.gov.my*," kata Abdul Kadir.